Pustaka Negeri Sarawak, Miri participated in Miri May Fest 2014, by organising many activities through its 'I Love Miri' and 'Friends of the Library' Day on 15 - 18 May 2014. The program was launched by Miri City mayor Mr Lawrence Lai Yew Son at the Miri City Fan and about 100 youths and working adults took part in it. Activities included mass Zumba exercise, cleanliness and environment, lucky draws, Friends of the Library, youth icons forum, youth exhibition, autoshow and flea market.





Ketibaan di Palangka Raya pada 19 Mei 2014 satu mesyuarat dengan Bapak Rudiansyah dan rakan-rakan Kalimantan lain telah diatur untuk membincangkan susunan mesyuarat bagi jawatankuasa kecil; Jawatankuasa Pemandu dan KBS.

*Upon arriving in Palangka Raya on the 19 May 2014 a meeting with Bapak Rudiansyah and other Kalimantan counterparts was arranged to discuss on the arrangement of the meetings for the sub-committee; steering committee and KBS.*



Mesyuarat Jawatankuasa kecil sambil makan tengahari menaiki bot di sepanjang Sungai Kahayan...

*Sub-Committee Meeting cum boat ride along Kahayan River and lunch...*

## K@BORNEO 2014

k@Borneo telah dimulakan oleh Pustaka Negeri Sarawak pada tahun 2001 dan ditubuhkan pada tahun 2002 sebagai kerjasama serantau mengenai pembangunan dan perkongsian maklumat di Borneo. Ia adalah satu usaha kolektif untuk kerjasama antarabangsa dengan institusi yang mengambil bahagian dari Malaysia, Indonesia dan Brunei mengenai pengenalan dan pemeliharaan bahan-bahan Borneo.

Satu mesyuarat telah ditubuhkan untuk ahli-ahli k@Borneo yang diadakan dua kali setahun. Mesyuarat pertama telah diadakan di Palangka Raya (Wilayah Kalimantan Tengah) dari 19 sehingga 21 Mei 2014. Mesyuarat seterusnya seperti yang telah dijadualkan diadakan di Kota Kinabalu, Sabah pada 15 – 16 Disember 2014 telah dibatalkan atas sebab kebanyakan ahli-ahli dari Sabah dan Sarawak tidak dapat hadir. Walaubagaimanapun, bagi rakan-rakan dari Kalimantan yang hadir pada tarikh tersebut, satu sesi penerangan mengenai k@Borneo telah dianjurkan untuk mereka.

Mesyuarat Jawatankuasa Kecil telah diadakan pada pagi 21 Mei 2014 semasa menaiki bot sambil makan tengahari di sepanjang Sungai Kahayan di Kalimantan Tengah. Ahli-ahli Jawatankuasa Kecil k@Borneo dari Pustaka telah diwakili oleh Pengerusi Jawatankuasa Kecil Pendigitalan Encik Wan Mazli bin Wan Razali dan Timbalan Pengerusi untuk Jawatankuasa Kecil Pemilihan dan Penyusunan Bibliografi Puan Hayati Haji Sabil.

Tajuk projek kompilasi bibliografi untuk tahun 2014 yang telah dipersetujui oleh semua ahli adalah Seni dan Kraf dan Seni Kulinari yang boleh dikumpulkan sebagai satu bibliografi dalam talian. Skop untuk penyerahan dalam bibliografi hendaklah berdasarkan kutipan dari setiap organisasi dan individu. Kriteria bagi penyerahan bibliografi yang tersusun telah dimaklumkan kepada semua organisasi melalui e-mel.

Sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 64 rekod telah melalui proses pendigitalan oleh Pustaka Negeri Sarawak yang telah dimuat naik dalam Portal k@Borneo oleh Jawatankuasa Pendigitalan bagi pembangunan Portal k@Borneo. Tujuh belas (17) organisasi telah menyumbang kepada projek pendigitan tersebut. Organisasi yang terlibat adalah:



1. Tun Haji Mohd. Fuad Stephens Borneo Research Library, Yayasan Sabah
2. Sabah Forestry Department
3. Universiti Malaysia Sabah Library
4. Sabah State Library
5. Pustaka Negeri Sarawak
6. Center for Academic Information Services, Universiti Malaysia Sarawak
7. The Tun Jugah Foundation
8. Universitas Tanjungpura Library Kalimantan Barat
9. Sabah Museum Department
10. Perpustakaan Badan Kearsipan dan Dokumentasi Provinsi Kalimantan Barat
11. Dewan Bahasa & Pustaka Cawangan Sabah
12. Majlis Adat Istiadat Sarawak, Jabatan Ketua Menteri
13. Majelis Adat Dayak Nasional Sekalimantan
14. Badan Perpustakaan Kearsipan dan Dokumentasi Provinsi Kalimantan Tengah
15. Badan Perpustakaan dan Arsip Daerah Provinsi Kalimantan Selatan
16. Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Antasari Banjarmasin
17. Universitas Lambung Mangkurat Banjarmasin

Kunjungan kehormat ke pejabat Gabenor Kalimantan tengah, Yth. Bapak Agustin Teras Nerang S.H. yang merupakan Gabenor dan juga Presiden Majlis Adat Dayak Nasional juga telah dijadualkan pada 20 Mei 2014. Walau bagaimanapun, atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan Gabenor tidak dapat hadir dan kehadiran ahli-ahli Jawatankuasa k@Borneo telah disambut oleh wakil Gabenor, Ir. H. Achmad Diran.



Puan Zaiton Bakri mengalu-alukan kehadiran ahli-ahli k@Borneo  
Puan Zaiton Bakri addressing members of the k@Borneo



Bangunan Perpustakaan Arsip dan Dokumentasi Provinsi Kalimantan Tengah  
Perpustakaan Arsip dan Dokumentasi Provinsi Kalimantan Tengah building

## K@BORNEO 2014

k@Borneo was initiated by Pustaka Negeri Sarawak in 2001 and established in 2002 as a regional cooperation on development and sharing of information on Borneo. It is a collective effort to collaborate internationally on identification and preservation of Borneo materials with participating institutions from Malaysia, Indonesia and Brunei.

It was established that meeting for members of k@Borneo will be organized twice a year. In 2014 the first meeting was conducted in Palangka Raya (Central Kalimantan Region) from 19 – 21 May 2014. The next meeting which was scheduled in Kota Kinabalu, Sabah on the 15 – 16 December 2014 was cancelled due to most of the members in Sabah and Sarawak were not available. However, as the Kalimantan counterparts were available on those dates, a training session on the k@Borneo Portal was organized for them.

The Sub-committee meeting was held in the morning of 21 May 2014 during a boat ride cum lunch along the Kahayan River. Members of the k@Borneo Sub-Committee from Pustaka were represented by Encik Wan Mazli Wan Razali who is Chairman of the Digitization Sub-Committee and Puan Hayati Haji Sabil who is the Deputy Chairman for the Bibliographical Selection and Compilation Sub-Committee.

The titles for the bibliography compilation project that was agreed by all members for 2014 are Arts and Crafts and Culinary Arts which can be compiled as an online bibliography. The scope for the submission of the bibliography shall be based on the collection of each individual organization. Criteria for submission of the compiled bibliography had been informed to all organisations through e-mail.



Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu di pejabat Bapak Rudiansyah Iden  
Steering Committee Meeting at the office of Bapak Rudiansyah Iden



Perwakilan k@Borneo bersama wakil Gabenor, Ir. H. Achmad Diran  
k@Borneo delegates with the representative of the Governor, Ir. H. Achmad Diran



Encik Wan Mazli Wan Razali menyampaikan momento dari Pustaka kepada wakil Gabenor, Ir. H. Achmad Diran

Encik Wan Mazli Wan Razali giving a momento from Pustaka to the representative of the Governor, Ir. H. Achmad Diran



As for the Digitization Committee, for the development of the k@Borneo Portal, 64 records were digitized by Pustaka Negeri Sarawak as of 31 December 2014 which were uploaded in the k@Borneo Portal. Seventeen (17) organisations contributed to the digitization project. The organisations involved are:

1. Tun Haji Mohd. Fuad Stephens Borneo Research Library, Yayasan Sabah
2. Sabah Forestry Department
3. Universiti Malaysia Sabah Library
4. Sabah State Library
5. Pustaka Negeri Sarawak
6. Center for Academic Information Services, Universiti Malaysia Sarawak
7. The Tun Jugah Foundation
8. Universitas Tanjungpura Library Kalimantan Barat
9. Sabah Museum Department
10. Perpustakaan Badan Karsipan dan Dokumentasi Provinsi Kalimantan Barat
11. Dewan Bahasa & Pustaka Cawangan Sabah
12. Majlis Adat Istiadat Sarawak, Jabatan Ketua Menteri
13. Majelis Adat Dayak Nasional Sekalimantan
14. Badan Perpustakaan Karsipan dan Dokumentasi Provinsi Kalimantan Tengah
15. Badan Perpustakaan dan Arsip Daerah Provinsi Kalimantan Selatan
16. Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Antasari Banjarmasin
17. Universitas Lambung Mangkurat Banjarmasin

A courtesy visit to the Central Kalimantan Governor's Office, Yth. Bapak Agustin Teras Nerang S.H. who is the Governor and also the President of Majlis Adat Dayak Nasional was also scheduled on the 20th May 2014. However, due to unforeseen circumstances the Governor was not available and the members of the k@Borneo committee were received by the representative of the Governor, Ir. H. Achmad Diran.

## PERKHEMAHAN ILMU PUSTAKA NEGERI SARAWAK 2014

### KNOWLEDGE CAMP 2014 PUSTAKA NEGERI SARAWAK



"Ilmu, inspirasi, kreativiti" merupakan tema Perkhemahan Ilmu Pustaka Negeri Sarawak 2014 yang telah diadakan pada 24-25 Mei 2014 di Pustaka Negeri Sarawak. Seramai 60 orang peserta dari kalangan pelajar Tingkatan 4 dan 5 dari beberapa sekolah menengah sekitar bandaraya Kuching telah menyertai program ini. Antara aktiviti-aktiviti yang diadakan adalah seperti; Sains Inovasi, Pasukan Kami, Info Games, Kuiz Ensiklopedia, Bina Perkataan dan Arena Bakat. Turut menjayakan program ini ialah Planetarium Sultan Iskandar dan Sudut Lincoln. Majlis penutupan telah disempurnakan oleh Encik Japri Bujang Masli, Ketua Sektor Perkhidmatan Perpustakaan di Auditorium, Pustaka Negeri Sarawak.

'Knowledge, Inspiration, Creativity' was the theme for Pustaka Negeri Sarawak's Knowledge Camp 2014 held on 24 - 25 May 2014. A total of 60 students from Form 4 and 5 participated in activities such as Innovation Science, Our Team, Information Games, Encyclopedia Quiz, Word Building and Talent Arena. The program was supported by the Sultan Iskandar Planetarium and Lincoln Corner. The closing ceremony was officiated by Encik Japri Bujang Masli, Pustaka Negeri Sarawak Library Services Head.





## PUSTAKA NEGERI SARAWAK MENGANJURKAN PAMERAN 'IMAGES OF ISLAM'

PUSTAKA NEGERI SARAWAK ORGANIZED  
EXHIBITION ON 'IMAGES OF ISLAM'

Pustaka Negeri Sarawak dengan kerjasama Pusat Penerangan Islam (IIC) telah mengadakan pelancaran pameran 'Images of Islam' pada 3 Julai 2014 di Auditorium, Pustaka Negeri Sarawak. Pameran yang bertujuan untuk mengetengahkan hasil kesenian yang kreatif dan inovatif dalam Islam ini merupakan hasil karya Susan Baaghil, Jurugambar Profesional Wanita Muslim dari Arab Saudi. Pameran tersebut telah dirasmikan oleh isteri Ketua Menteri Sarawak, Puan Sri Datuk Jamilah Anu. Susan Baaghil turut mengadakan ceramah dan pameran bertajuk 'Images of Islam' di Pustaka Negeri Sarawak.



Pustaka Negeri Sarawak together with the Islamic Information Centre (IIC) organised an exhibition entitled 'Images of Islam'. The exhibition was launched on 3 July 2014 by the wife of Sarawak's Chief Minister Puan Sri Dato' Jamilah Anu. The exhibition was to display creative and innovative Islamic-based artwork by Ms Susan Baaghil, a professional photographer from the United Arab Emirates (UAE). She also facilitated a talk on the subject.



## SAMBUTAN ULANGTAHUN KE-10 SUDUT LINCOLN SARAWAK DI PUSTAKA NEGERI SARAWAK

Pustaka Negeri Sarawak dengan kerjasama Kedutaan Amerika Syarikat (Kuala Lumpur) telah meraikan Sambutan Ulangtahun Ke-10 Sudut Lincoln Sarawak pada 16 Jun 2014 di Dataran Pustaka Negeri Sarawak. Bersempena dengan Sambutan Ulang tahun Ke-10 Sudut Lincoln ini yang berlangsung dari 4 - 21 Jun 2014, pelbagai aktiviti telah dianjurkan oleh Pustaka seperti Bengkel Komposer Muzik Filem, Kem Bahasa Inggeris, Ceramah Pendidikan USA, Ceramah Sudut Lincoln : Perpustakaan di Amerika Syarikat, Demonstrasi Memasak, Movie Under The Stars : Frozen dan Sesi Bercerita Bersama Kanak-Kanak. Majlis yang penuh bermakna ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr) Hj. Hamid Bugo, Pengurus Lembaga Pengurusan, Pustaka Negeri Sarawak dengan kehadiran Cik Bonnie Gutman, Kaunselor Hal Ehwal Awam, Kedutaan Amerika Syarikat.



## LINCOLN CORNER 10TH YEAR ANNIVERSARY CELEBRATION AT PUSTAKA NEGERI SARAWAK

Pustaka Negeri Sarawak in cooperation with the US Embassy (Kuala Lumpur) celebrated the 10th Year Anniversary of Lincoln Corner Sarawak on 16 June 2014 at Pustaka's Lake View. The Lincoln Corner anniversary celebrations were held from 4 June till 21 June 2014. Various activities were such as the Music Film Composer workshop, English Camp, Education USA Talk, Lincoln Corner Talk on Libraries in US, Cooking demonstration, Movie under the Stars: Frozen and Children's story telling sessions were organised. This occasion was officiated by YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo, Chairman, Board of Management for Pustaka Negeri Sarawak. Ms. Bonnie Gutman, Counselor of Public Affairs, from the US Embassy came for the event.



## PROJEK 'BOOKS OF LOVE' OLEH PUSTAKA NEGERI SARAWAK, MIRI & HOTEL MEGA

'BOOKS OF LOVE' PROJECT BY PUSTAKA MIRI & MEGA HOTEL

Projek derma buku 'Books of Love' anjuran bersama Pustaka Negeri Sarawak, Miri dan Hotel Mega telah berjaya mengumpul sejumlah 374 buku dan telah diserahkan kepada Sekolah Tunas Bakti (P) Miri pada 22 Jun 2014. Penolong Pengetua Sekolah, Cynthia Mathew Lugun telah menerima derma semasa Majlis Penutupan Perkhemahan Ilmu Pustaka Negeri Sarawak, Miri 2014. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pengurus Wilayah Pustaka Negeri Sarawak, Miri Hajah Salina Haji Zawawi, EXCO Hotel Mega Lim Siok Leng dan Pengurus Komunikasi Jenny Chen. Perkhemahan Ilmu telah diadakan pada 21 - 22 Jun 2014 dan telah disertai oleh 34 orang pelajar. Pelbagai aktiviti yang menyeronokkan dan berbentuk pendidikan telah dianjurkan untuk para pelajar seperti sesi Kemahiran Literasi Maklumat, 'Lets Get Creative and Imaginative' , 'Teamwork Works' , Melihat Bintang dengan Malaysian Nature Society (MNS) Miri, Sesi Pengucapan Awam 'Front and Center', Etika Meja Makan dan Bed Make-up Demo bersama Hotel Mega Miri; dan Persembahan 'Ngeso Bakat'.

A book donation project 'Books of Love' jointly organised by Pustaka Negeri Sarawak, Miri and Mega Hotel, Miri collected 374 books that were donated to Sekolah Tunas Bakti (P) Miri. The books were handed over to the school's Assistant Principal Cynthia Matthew Lugun at the closing ceremony of the Knowledge Camp that PNSM organised on 21-22 June 2014. Also present at the ceremony were Pustaka Negeri Sarawak, Miri Regional Manager Hajah Salina Haji Zawawi, Mega Hotel's EXCO Lim Siok Leng and Communications Manager Jenny Chen. The knowledge camp was attended by 34 students where they participated in fun and educational activities such as Information Literacy Skills (ILC), 'Lets Get Creative and Imaginative', 'Teamwork Works', Star Gazing with Malaysian Nature Society Miri, 'Front and Centre' public speaking session, Dining Table Etiquette, Bed Make-up demonstration, and Ngeso Bakat talent show.



## PUSTAKA NEGERI SARAWAK RAIKAN MAJLIS RAYA MERDEKA

### PUSTAKA NEGERI SARAWAK CELEBRATES RAYA MERDEKA

Seramai lebih daripada 100 orang tetamu jemputan telah menghadiri Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Pustaka Negeri Sarawak pada 25 Ogos 2014 yang diadakan di Lobi Pustaka. Tema pada tahun ini ialah 'Raya Merdeka Bersama Kami'. Majlis tersebut telah dihadiri oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, YB Tan Sri Datuk Amar Hj. Mohamad Morshidi B. Abdul Ghani. Acara ini adalah bersempena dengan sambutan Hari Merdeka. Pelbagai program menarik dianjurkan menjelang sambutan Hari Merdeka seperti Ceramah Kesihatan, Pameran Memori Kemerdekaan dan Pertandingan Permainan Tradisional seperti congkak dan menganyam ketupat. Acara ini dianjurkan khas untuk pihak berkepentingan dan rakan kerjasama Pustaka, selain untuk menambah ahli dan Rakan Pustaka.

More than 100 guests came for Pustaka Negeri Sarawak's Hari Raya open house on 25 August 2014 held at Pustaka's foyer. The theme for this year's celebration was 'Raya Merdeka Bersama Kami'. The event was attended by the State Secretary, YB Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Bin Abdul Ghani. There were also various exciting programmes in the run up to the Merdeka Day celebrations. An exhibition 'Memory of Independence' and traditional games such as congkak and ketupat making competition were also arranged. The event was organised for Pustaka's stakeholders and partners, and at the same time recruit members and 'Friends of Pustaka'.





## PROGRAM KEMBARA ILMU 2014

### KEMBARA ILMU PROGRAM 2014

Pustaka Negeri Sarawak telah dengan jayanya mengadakan program Kembara Ilmu 2014 pada 3-5 September 2014. Dengan kerjasama Natural Resource Environment Board (NREB), Malaysian Nature Society (MNS), Red Crescent Miri, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Danawa Resources Sdn Bhd program ini telah diadakan dengan jayanya di Long Bedian dan Long Laput. Program Kelas Asas Pengenalan Komputer, 'Bird Watching', Pencerapan Bintang, Kelas Asas Bantuan Cemas, Kelas Literasi Maklumat dan aktiviti kanak-kanak adalah antara program yang diadakan bersama seramai lebih daripada 60 orang peserta. Program telah disempurnakan oleh YB Dennis Ngau, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teleng Usan dan turut dihadiri oleh Temenggong Elizabeth Deng, Pengurus Wilayah Pustaka Negeri Sarawak, Miri Hajah Salina Hj. Zawawi, Ketua Sektor Teknologi Maklumat & Komunikasi Encik Wan Mazli Wan Razali, Ketua Masyarakat dan wakil-wakil jabatan.



Pustaka Negeri Sarawak conducted an outreach program, Kembara Ilmu, from 3 - 5 September 2014. It was made possible with collaboration from the Natural Resources Environment Board (NREB), Malaysian Nature Society (MNS), Red Crescent Miri, Malaysia Communications and Multimedia Commission (MCMC) and Danawa Resources Sdn. Bhd. About 60 members of the community from Long Bedian and Long Laput took part in activities such as Introduction to Computer Basics Class, Birdwatching, Stargazing, Basic CPR Class, Information Library Skills session and children activities. The programme was launched by YB Dennis Ngau (Teleng Usan State Assemblyman) and witnessed by Temenggong Elizabeth Deng, Pustaka Negeri Sarawak's sector heads Salina Haji Zawawi (Miri) and Wan Mazli Wan Razali (ICT) as well as community heads and representatives from several government department.



## PUSTAKA NEGERI SARAWAK, MIRI MENGADAKAN SEMBANG KEMERDEKAAN BERKENAAN ROSLI DHOBY

PUSTAKA NEGERI SARAWAK, MIRI  
ORGANIZED FORUM ON ROSLI DHOBY



Bersempena dengan sambutan Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia, Pustaka Negeri Sarawak, Miri telah menganjurkan forum bertajuk 'Sembang Kemerdekaan - Berani Mati Demi Tanahair: Wira Muda bernama Rosli Dhoby' pada 3 September 2014 di Auditorium, Pustaka Negeri Sarawak, Miri. Forum ini telah dirasmikan oleh Ahli Parlimen Kawasan Sibuti, Haji Ahmad Lai Bujang dan seramai lebih 200 orang hadirin telah menghadiri forum tersebut. Pameran bertajuk 'Pameran Kemerdekaan – Dari Kampung Pulo, Sibu Ke Penjara Pusat Kuching: Perjalanan Hidup Rosli Dhoby' yang menampilkan koleksi berasaskan berkaitan Rosli Dhoby yang dimiliki oleh Lucas Johnny turut diadakan.

In conjunction with Independence Month and Malaysia Day, a forum 'Sembang Kemerdekaan – Berani Mati Demi Tanahair: Wira Muda bernama Rosli Dhoby' (Willingness to Die for the Country: A Young hero named Rosli Dhoby) was held on 3rd September 2014. The forum was officiated by YB Haji Ahmad Lai Bujang (Member of Parliament for Sibuti) and was attended by about 200 participants. In addition to the forum, an exhibition 'Pameran Kemerdekaan – Dari Kampung Pulo, Sibu ke Penjara Pusat Kuching: Perjalanan Hidup Rosli Dhoby (From Kampung Pulo Sibu to Kuching Central Prison: The Life Journey of Rosli Dhoby) was also held. The historical collection belongs to Rosli Dhoby's cousin Lucas Johnny.



## MAJLIS PELANCARAN SIRI SARAWAKIANA: THE UNSUNG HEROES – VOICES OF THE SARAWAKIAN GUERILLAS OF 'Z' SPECIAL UNIT & PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN WARISAN BUDAYA TEMPATAN 2014

### THE LAUNCHING OF SARAWAKIANA SERIES: THE UNSUNG HEROES – VOICES OF THE SARAWAKIAN GUERILLAS OF 'Z' SPECIAL UNIT & PRIZE PRESENTATION FOR THE LOCAL CONTENT COMPETITION 2014

Majlis Pelancaran Siri Sarawakiana: The Unsung Heroes – Voices of the Sarawakian Guerillas of 'Z' Special Unit (Wira Tidak Didendang – Suara-suara Gerila Unit Khas 'Z' Sarawak) dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Warisan Budaya Tempatan 2014 telah diadakan pada 11 September 2014 di salah sebuah hotel terkemuka Bandaraya Miri. Ianya telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Puan Rosey Haji Yunus – Menteri Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak dan Pembangunan Keluarga Sarawak. Projek Siri Sarawakiana ini bertujuan untuk mendokumentkan serta merekod sejarah lisan penduduk / saksi kejadian kawasan yang terlibat dalam operasi SEMUT. Pertandingan Warisan Budaya Tempatan 2014 pula telah dimenangi oleh Kumpulan SAINSri 3 daripada SM Sains, Miri dengan tajuk projek – Haji Salleh Bin Sambas: Pejuang Atau Petualang? (Tokoh Limbang).



On 11 September 2014, Pustaka Negeri Sarawak, Miri officially launched Sarawakiana Series: The Unsung Heroes – Voices of the Sarawakian Guerillas of Z Special Unit (Wira Tidak Didendang – Suara-suara Gerila Unit Khas 'Z' Sarawak) and at the same time awarded prizes for the Local Content Competition 2014. The event, which was held at a local hotel, was graced by Assistant Minister of Early Childhood Education and Family Development YB Rosey Haji Yunus. The Sarawakiana Series project was to document and record oral history amongst locals or witnesses of the SEMUT Ops during the Japanese occupation. The Local Content Competition 2014 was won by team SAINSri 3 from SM Sains Miri with their project paper entitled 'Haji Salleh Bin Sambas – Pejuang Atau Petualang? (Tokoh Limbang)'.





## KARNIVAL ILMU SEMPENA HARI INOVASI PUSTAKA NEGERI SARAWAK

**KNOWLEDGE CARNIVAL (KARNIVAL ILMU)  
IN CONJUNCTION WITH PUSTAKA NEGERI  
SARAWAK'S INNOVATION WEEK**

Bersempena dengan Sambutan Minggu Inovasi 2014, Kelab Sukan dan Rekreasi Pustaka Negeri Sarawak telah menganjurkan Karnival Ilmu pada 27- 28 September 2014 bertempat di Pustaka Negeri Sarawak. Seramai 74 buah Flea Bazaar telah mengadakan jualan manakala kira-kira 200 penyertaan telah diterima untuk Pertandingan Memancing 'Lan Ngail' Pustaka. Program Pustaka Talent Search (Pertandingan Karaoke) pula telah disertai oleh 30 orang peserta dan hampir 50 buah kereta dan motosikal telah mengadakan pameran sepanjang program tersebut. Program lain yang diadakan ialah Pameran Agensi Kerajaan, Kempen Derma Darah, Pemeriksaan Kesihatan Percuma, Pertandingan Dart, Tayangan Video, Demonstrasi alat kawalan jauh dan pertunjukan helikopter dan bot, Bengkel Mencanting Batik dan Aerobathon. Seramai lebih kurang 2,000 orang pengunjung telah hadir ke Karnival Ilmu ini.



During Innovation Week 2014, the Sports and Recreation Club of Pustaka Negeri Sarawak organised a Knowledge Carnival on 27 and 28 September 2014 in the library's vicinity. A Flea Bazaar with 74 booths and counters were set up and remained open throughout the event. The 'Lan Ngail' fishing competition enticed 200 participants while the karaoke singing competition, Pustaka Talent, attracted 30 contestants. Other activities include an autoshow, exhibition, blood donation, health check, dart competition, video screening, helicopter and boat remote control demonstrations and many more. Altogether the event attracted about 2,000 people.



## PUSTAKA NEGERI SARAWAK ADAKAN PROGRAM MASAKAN BERSAMA WARGA EMAS

### PUSTAKA NEGERI SARAWAK ORGANIZES COOKING PROGRAM WITH SENIOR CITIZENS

Pustaka Negeri Sarawak telah menganjurkan program masakan di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) bertempat di Pertubuhan Anjung Emas Sri Semariang, Kampung Malaysia Jaya. Diadakan pada 15 Oktober 2014, program ini telah disertai oleh lebih daripada 30 orang warga emas. Program ini diajurkan bersempena sambutan Hari Warga Emas Sedunia dan telah dikendalikan oleh Puan Anisah Mohd. Suut dari Anisah Msuut Enterprise yang terkenal dengan perniagaan Kek dan "Cup Cake" secara atas talian.

On 15th October 2014 a cooking programme organised for senior citizens was held at the Senior Citizens Activity Centre (PAWE) located at Pertubuhan Anjung Emas Sri Semariang Kampung Malaysia Jaya. The event, held in conjunction with World Old Folks Day, was attended by about 30 senior citizens. A local entrepreneur, Anisah Mohd. Suut from Anisah Msuut Enterprise, well known for her online cake and cupcake business, was the facilitator.



## PUSTAKA NEGERI SARAWAK MENGANJURKAN BICARA KARYA

### PUSTAKA NEGERI SARAWAK ORGANIZED A BOOK TALK

Pustaka Negeri Sarawak telah menganjurkan program Bicara Karya bertajuk 'Naratif Keterbalikan Brooke' pada 29 Oktober 2014 yang telah diadakan di Galeri, Pustaka. Penceramah jemputan untuk program ini ialah Dr Rusli Bin Ahmad dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Encik Zakaria Hassan dan Encik Japri Bujang Masli adalah moderator dari Pustaka Negeri Sarawak. Seramai lebih daripada 50 orang peserta telah menghadiri program tersebut. Bicara Karya dianjurkan untuk mempromosikan karya-karya penulis tempatan dan juga sebagai satu cara untuk memupuk budaya membaca di kalangan orang ramai



A Book Talk entitled 'Naratif Keterbalikan Brooke' was held at Pustaka Negeri Sarawak's gallery on 29 October 2014. On this occasion, the invited speakers were Dr Rusli Bin Ahmad from Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) and Encik Zakaria Hassan while Encik Japri Bujang Masli of Pustaka Negeri Sarawak was the moderator. More than 50 attended the talk. Book Talk or 'Bicara Karya' was organised to promote the works of local authors and to inculcate a reading culture among the public.



## PROGRAM LITERASI U-PUSTAKA BERSAMA PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

### U-PUSTAKA LITERACY PROGRAMME WITH SECONDARY SCHOOL STUDENTS

Pustaka Negeri Sarawak telah menawarkan kepada semua ahli perkhidmatan u-Pustaka. Sehubungan itu, program literasi berkaitan penggunaan perkhidmatan u-Pustaka giat dijalankan kepada pengguna di seluruh negeri.

Pada tahun 2014, Pustaka telah menganjurkan program literasi dengan fokus kepada pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh bahagian Kuching dan Samarahan. Program literasi ini juga dipanjangkan kepada penjawat awam di Sarawak.

Gambar di atas adalah program literasi yang dijalankan kepada pelajar sekolah dan juga kepada pelajar latihan sangkutan di Pustaka Negeri Sarawak.

Pustaka Negeri Sarawak has offered to all members of the u-Pustaka services. Therefore, Pustaka, organize the u-Pustaka literacy program to all members of Pustaka.

In 2014, the Library has organized a literacy program with a focus to students' primary and secondary schools. Literacy programs will also be extended to civil servants in Sarawak.

The picture above is a literacy program conducted for students and also to students for attachments.



## SIDANG MEDIA DAN LAWATAN MEDIA KE PUSTAKA NEGERI SARAWAK SEMPENA SAMBUTAN ULANGTAHUN KE-15 PUSTAKA NEGERI SARAWAK

MEDIA CONFERENCE AND TOUR  
TO PUSTAKA NEGERI SARAWAK IN  
CONJUNCTION WITH THE LIBRARY'S 15th  
ANNIVERSARY COMMEMORATION

Sempena sambutan Ulangtahun Pustaka Negeri Sarawak yang ke-15, Pustaka Negeri Sarawak telah mengadakan program Sidang Media dan Lawatan Media bagi memperkenalkan penambahbaikan yang telah dilakukan terhadap perkhidmatan dan fasiliti Pustaka Negeri Sarawak selain aktiviti dan program yang akan diadakan sepanjang tahun 2015. Seramai 35 orang media telah menghadiri dan dibawa melawat ke 'E-Newspaper Kiosk', Bilik Infotek Kanak-Kanak, diperkenalkan dengan portal Sarawakiana dan beberapa perkhidmatan dan fasiliti lain Pustaka. Sidang media ini telah dipengerusikan oleh Pengerusi Ahli Lembaga Pengurusan, YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo dan turut dihadiri oleh Datuk Alfred Yap Ahli Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak, Ketua Pegawai Eksekutif Puan Rashidah Haji Bolhassan dan Ketua-Ketua Sektor.



As a run-up to its 15th Anniversary Commemoration, a Media Conference and Tour to make known improvements that have been done to services and facilities at Pustaka Negeri Sarawak was organised. The event was also to promote activities planned for the coming year. About 35 media representatives came. They were shown the 'E-Newspaper Kiosk', Children Infotheque, the Sarawakiana Portal and several other services. The media conference was chaired by Chairman of the Board of Management for Pustaka Negeri Sarawak Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo. Others present at the event were Pustaka Negeri Sarawak Board of Management member Datuk Alfred C.L.Yap, Chief Executive Officer Puan Rashidah Haji Bolhassan and heads of sectors.



## PROGRAM SAMBUTAN ULANGTAHUN KE-15 PUSTAKA NEGERI SARAWAK

### PUSTAKA NEGERI SARAWAK'S 15TH ANNIVERSARY CELEBRATION

Sambutan Ulangtahun Ke-15 Pustaka Negeri Sarawak telah diadakan pada 31 Disember 2014. Berkonseptan 'bring your own food' dan 'picnic' bersama keluarga sambutan ini telah diserikan dengan pelbagai barisan program menarik seperti Ceramah Kesihatan dan Keusahawan, Program Perkongsian Pintar Komuniti & Perpustakaan untuk Portal Warisan Budaya Tempatan Sarawak, Pameran 'Get To Know' Pustaka Negeri Sarawak, Miri, Pertandingan 'Pantas Congak' dan 'Spelling Bee', Demonstrasi Masakan Produk Nestle bersama Chef Muluk, Pertandingan 'Tiru Gaya Frozen' dan Movie Marathon. Persembahan dari artis-artis tempatan dan kumpulan Buskers turut memeriahkan sambutan persembahan pada malam tersebut. Turut hadir ialah Pengurus Ahli Lembaga Pengurusan, YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo, Ketua Pegawai Eksekutif, Puan Rashidah Haji Bolhassan dan para penulis tempatan.

The 15th Anniversary Celebrations for Pustaka Negeri Sarawak was held on 15th December 2014. Using the concept 'bring your own food and picnic with family' visitors to the library participated in a variety of programmes that have been prepared for the occasion. Some of the activities include talks on health and entrepreneurship, exhibition, Community and Libraries Smart Sharing Session on Sarawak Local Content Portal, an exhibition 'Get to know Pustaka Negeri Sarawak Miri', Math Mental Speed and Spelling Bee competitions, Nestle cooking demonstration with Chef Muluk, Frozen cosplay competition and Movie Marathon. In the evening there was a performance staged by local artistes and buskers invited to perform while waiting for the New Year countdown. Amongst those present were YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr) Haji Hamid Bugo, Chairman of Pustaka's Board of Management, Pustaka's CEO Puan Rashidah Haji Bolhassan and other members of the library's Board.



# PENCAPAIAN PERKHIDMATAN DEPOSITORI DEPOSITORY SERVICES HIGHLIGHTS

## PROGRAM TOWARDS A BLUEPRINT FOR SARAWAK'S RECORDS : A FORUM & WORKSHOP

### TOWARDS A BLUEPRINT FOR SARAWAK'S RECORD: A FORUM & WORKSHOP PROGRAMME

Pada 12-14 Ogos 2014, Pustaka Negeri Sarawak telah menganjurkan satu program iaitu 'Towards a Blueprint for Sarawak Records: A Forum and Workshop' yang telah diadakan di Pustaka Negeri Sarawak dan disempurnakan oleh YBhg Datu Haji Misnu Bin Haji Taha, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk menyediakan satu pelan tindakan yang lengkap mengenai pengurusan rekod dan arkib bagi Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak. Program dengan tema, 'Our Records, Our Heritage' ini telah diadakan selama tiga hari dan terbahagi kepada dua segmen di mana pada 12 Ogos 2014 dimulai dengan forum dan disusuli dengan bengkel selama dua hari bermula daripada 13-14 Ogos 2014.

Forum tersebut telah berjaya menghimpunkan seramai lapan orang penceramah daripada Malaysia dan Australia yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing. Semasa sesi forum, setiap penceramah akan berkongsi pengalaman mereka kepada 172 para peserta yang turut hadir ke forum tersebut. Penceramah-penceramah yang embentangkan kertas kerja mereka adalah Dr Rusnah Johare, Encik Anthony Aboi, Cik Marjella Tan Marquez, Puan Norsuriaty Bt Awang Hassim dan Encik Chin Koon Siang daripada Malaysia, manakala daripada Australia adalah Encik Ross Latham, Encik Alan Ventress dan Dr David Jones.

Semasa sesi bengkel pula, seramai 55 orang peserta telah turut serta dan mereka dibahagikan kepada 5 kumpulan mengikut topik-topik perbincangan iaitu 'Human resources in records and archives management', 'Standards and legislation in records and archives management', 'Archives building', 'Electronic and conventional records' dan 'Services – Records Centre and Archives'. Para peserta pula terdiri daripada pelbagai jabatan dan agensi antaranya Pustaka Negeri Sarawak, Jabatan Kerja Raya Sarawak, Jabatan Muzium Sarawak, Majlis Perbandaran Padawan, Unit Perancang Negeri, Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar, Arkib Negara Malaysia, Cawangan Sarawak dan lain-lain yang turut menyumbang idea dan memberi input mereka dalam merangka pelan tindakan yang menyeluruh untuk pengurusan rekod dan arkib di negeri Sarawak.



*Towards a Blueprint for Sarawak Records: A forum and workshop was held on 12-14 August 2014. The event was held at Pustaka Negeri Sarawak and the opening ceremony was officiated by YBhg Datu Haji Misnu Bin Haji Taha, Deputy State Secretary.*

*The intent of the forum and workshop was to prepare a comprehensive blueprint on management of records and archives for the Sarawak State Civil Service. With the theme 'Our Records, Our Heritage' the event was conducted over three days. It started with the forum on 12 August 2014 followed by two days of workshop from 13 -14 August 2014.*

*The forum involved eight speakers from Malaysia and Australia who are experts in their own fields. At the forum, each speaker shared their experiences with 172 participants who attended the forum. The speakers from Malaysia were Dr Rusnah Juhare, Mr. Anthony Aboi, Ms. Marjella Tan Marquez, Mdm. Norsuriaty Bt Awang Hassim and Mr. Chin Koon Siang whereas Mr Ross Latham, Mr Alan Ventress and Dr David Jones were from Australia.*

*For the workshop, 55 participants were involved and they were divided into 5 groups to deliberate on different topics. The topics for discussion were 'Human resources in records and archives management', 'Standards and Legislation in records and archives management', 'Archives Building', 'Electronic and Conventional Records' and 'Services – Records Centre and Archives'. The participants were from various departments and agencies such as the Department of Public Works, Museum Department, Padawan Municipal Council, State Planning Unit, Ministry of Resource Planning and Environment, National Archives of Malaysia, Sarawak Branch and Pustaka Negeri Sarawak. There were also others that contributed ideas and gave inputs for the blueprint on records management and archives.*



## LATIHAN / KURSUS PENGURUSAN REKOD SEPANJANG TAHUN 2014

### RECORDS MANAGEMENT WORKSHOP/ COURSE IN 2014

Sebanyak tujuh (7) kursus telah dijalankan sepanjang tahun 2014 melibatkan pelbagai jabatan dan agensi iaitu Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sarawak, Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak, Jabatan Tanah dan Survei, Majlis Daerah Betong, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pertanian dan Kementerian-kementerian Kerajaan Negeri Sarawak.

Pelbagai aspek pembelajaran telah diterapkan kepada peserta dalam kursus pengurusan rekod tersebut. Tujuan utama kursus adalah untuk membantu jabatan memantapkan kemahiran dalam menguruskan rekod-rekod jabatan terutamanya dalam mengklasifikasi rekod dan penilaian rekod. Di samping itu, kursus ini membantu peserta mengenalpasti masalah pengurusan rekod di jabatan dan mereka dapat membangunkan program pengurusan rekod yang sistematik dan berkesan di jabatan.

Penglibatan dari peserta amat menggalakkan kerana ia dilakukan bukan secara teori semata-mata malah semasa kursus, latihan secara amali dilakukan oleh peserta. Penceramah yang menjalankan kursus tersebut adalah Dr Rusnah Johare yang merupakan pakar dalam bidang pengurusan rekod.

*Altogether seven (7) Records Management workshops were conducted in 2014. The workshops involved several State Government departments and agencies such as Drainage and Irrigation Department (DID), Syariah Judiciary Department, Land and Survey Department, Betong District Council, Public Works Department, Agriculture Department and Sarawak State Government Ministries.*

*Various areas and topics were taught to the participants during the course. The main focus of the workshops were to assist staff of state departments and agencies to improve their knowledge in records management especially in specific areas like classification and appraisal of records. Besides that, through the workshop, participants could identify problems relating to records management in their department and develop systematic and effective management practices.*

*Involvements of the participants in the workshops were positive because the workshops were not only theoretical but also provided hands-on training. The facilitator who conducted the workshop was Dr Rusnah Johare, a records management expert.*




Peserta dari Jabatan Pengairan dan Saliran membentangkan hasil perbincangan kumpulan

Participants from Department of Irrigation and Drainage presented the group discussion.



Penerangan penceramah berkenaan dengan registri kepada Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak

The speaker presented matters related to registry to Sarawak Syariah Judiciary Department.



Pembentangan bdari Majlis Daerah Betong  
Presentation from Betong District Council



Sebelum latihan amali, penerangan secara teori akan dilakukan  
Before the practical training, a theoretical explanation will be done.



Peserta yang mempunyai soalan berpeluang bertanya kepada penceramah

Participants were given an opportunity to ask questions to the speakers.



Penceramah bersedia membantu peserta untuk memahami tajuk dengan lebih mendalam

Speakers are available to assist the participants to understand the topic in dept.



## PROGRAM SARAWAK'S AUTHORS HIGHLIGHT JAIS SAHOK DAN MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PENYERAHAN KARYA-KARYA PERIBADI

### SARAWAK'S AUTHORS HIGHLIGHT PROGRAMME AND MEMORANDUM OF AGREEMENT (MOA) SIGNING CEREMONY BETWEEN PUSTAKA NEGERI SARAWAK AND LOCAL AUTHOR JAIS SAHOK

Pustaka Negeri Sarawak telah mengadakan program bertempat di Bilik Seminar, Pustaka Negeri Sarawak pada 10 Disember 2014. Pada masa yang sama Pustaka telah menandatangani memorandum perjanjian persefahaman bagi penyerahan karya-karya koleksi peribadi Cikgu Jais Sahok kepada Pustaka.

Program Sarawak's Authors Highlight merupakan salah satu inisiatif di bawah Unit Penyerahan Bahan-Bahan Terbitan dalam menggalakkan dan meningkatkan lagi industri penulisan dan penerbitan di Sarawak. Program tersebut telah diperkenalkan pada tahun 2013 bermula dengan penulis tempatan, Encik James Alexander Ritchie.

Penulis dan penerbit yang dipilih adalah berdasarkan kepada sumbangan mereka di bawah keperluan Penyerahan Bahan – Bahan Terbitan. Tujuan utama Penyerahan Bahan-Bahan Terbitan adalah untuk memastikan khazanah penulisan di negeri ini dapat dipelihara bukan sahaja untuk kegunaan penyelidik dan cendekiawan kini, tetapi juga untuk generasi akan datang. Walaupun pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh Perkhidmatan Depositori Pustaka untuk mewujudkan kesedaran di kalangan penulis dan penerbit di Sarawak, lebih banyak lagi program perlu diadakan untuk memelihara harta intelek Sarawak.

Pada December 2014, pameran Jais Sahok dan bengkel betajuk 15 Prinsip Pemikiran Berjaya telah dihadiri oleh 75 orang peserta. Pada tahun 2015 bermula 1 Januari – 15 Mac pelbagai aktiviti akan dirancang dan diadakan seperti bengkel penulisan, seminar dan ulasan buku.



Pustaka Negeri Sarawak organised a programme at its Seminar Room on 10 December 2014. On the same occasion Pustaka also signed a MoA on the bequest of Cikgu Jais Sahok collection to Pustaka.

The Sarawak's Authors Highlight programme is one of Pustaka's initiatives under the Legal Deposit Unit that encourage and promote writing and publishing locally. The programme was initiated in 2013 with a well-known local author, Mr. James Alexander Ritchie.

Authors and publishers were selected based on the submission of their publications under the Legal Deposit requirements. The main purpose of Legal Deposit is to preserve the nation's literary heritage and making them accessible for the present and future generations. Although, many initiatives were done by the Depository Services in Pustaka to create awareness amongst writers and publishers in the State, a lot more programmes need to be done in Sarawak to preserve the intellectual property of Sarawakians.

In December 2014, an exhibition on Jais Sahok and a workshop on 15 principles of success thinking benefited 75 participants. In 2015 from 1 January to 15 March, a series of activities such as writing workshops, seminar and book reviews were planned.



# RINGKASAN STATISTIK PERKHIDMATAN KORPORAT

## CORPORATE SERVICES STATISTICAL SUMMARY

### A) JUMLAH KAKITANGAN SETAKAT 31 DISEMBER 2014

STAFF STRENGTH AS OF 31 DECEMBER 2014

	Tetap (JBC) Permanent		Kontrak Contract	
	Profesional <i>Professional</i>	Bukan profesional <i>Non - professional</i>	Profesional <i>Professional</i>	Bukan profesional <i>Non - professional</i>
	30	83	1	40
Jumlah <i>Total</i>	30	83	1	40

### B) BILANGAN KURSUS UMUM & KHUSUS SETAKAT 31 DISEMBER 2014

NUMBER OF GENERIC & SPECIFIC TRAINING AS OF 31 DECEMBER 2014

Bulan <i>Month</i>	Jenis Latihan <i>Types of Training</i>	
	Umum 2014 <i>Generic 2014</i>	Khusus 2014 <i>Specific 2014</i>
Januari January	2	5
Februari February	2	5
Mac March	3	7
April April	5	10
Mei May	1	6
Jun June	2	2
Julai July	1	3
Ogos August	1	2
September September	6	11
Oktober October	3	10
November November	3	4
Disember December	0	7
<b>Jumlah Total</b>	<b>29</b>	<b>72</b>
<b>Percentage</b>	<b>28.71%</b>	<b>71.29%</b>

#### DISKRIPSI / DESCRIPTION:

Di sepanjang tahun 2014, frekuensi menghadiri kursus khusus lebih tinggi berbanding dengan kursus umum iaitu sebanyak 71.29% berbanding dengan kursus umum sebanyak 28.71% sahaja. Statistik ini adalah lebih memberansangkan memandangkan penekanan latihan adalah lebih kepada bidang tugas hakiki staf.

For year 2014, the frequency of attending specific courses (71.29%) is significant higher compared to generic courses (28.71%). This statistic indicates strong emphasis towards enhancing specific staff skills based on their intrinsic duties at work.



### C) JUMLAH LATIHAN

NUMBER OF TRAINING CONDUCTED

	2014
Jumlah kursus dijalankan / No. of training conducted	101
Jumlah staf dilatih / No. of staff trained	185

### D) JUMLAH & KEKERAPAN STAF BERKURSUS SETAKAT DISEMBER 2014

TOTAL NUMBER & FREQUENCY OF STAFF TRAINED AS OF DECEMBER 2014

Bulan <i>Month</i>	Kekerapan Staf Yang Dilatih (Profesional & Bukan Profesional) <i>Frequency of Staff Trained (Professional &amp; Non-Professional)</i>	
	Profesional <i>Professional</i>	Bukan profesional <i>Non - professional</i>
Januari January	16	36
Februari February	10	34
Mac March	21	37
April April	14	44
Mei May	18	28
Jun June	7	12
Julai July	5	1
Ogos August	16	0
September September	41	30
Oktober October	27	39
November November	12	19
Disember December	13	12
<b>Jumlah Total</b>	<b>200</b>	<b>292</b>

#### DISKRIPSI / DESCRIPTION:

